

11/11/1997

Cabul: KOAM gantung tugas Ramanathan

KUALA LUMPUR, Isnin - Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) menggantung tugas jurulatih atlit wanita, C Ramanathan, selepas siasatan polis berhubung dakwaan beliau mencabul kehormatan athlit wanita negara.

Presiden KOAM, Datuk Khalis Yunus, berkata mesyuarat Majlis KOAM pada 23 Mac 1994 mengambil keputusan sebulat suara untuk menggantung tugas Ramanathan berkuatkuasa pada tarikh itu.

Katanya, sehingga kini Ramanathan masih digantung daripada menjalankan tugas itu dan KOAM akan mengkaji kedudukannya selepas selesai rayuannya berhubung kesalahan mencabul kehormatan itu.

Menurutnya, KOAM tidak mengadakan siasatan dalaman terhadap Ramanathan kerana dia bukan kakitangan kesatuan itu dan ketika itu polis sedang membuat siasatan terhadap jurulatih berkenaan.

Khalid memberitahu mahkamah bahawa Majlis KOAM juga mengambil keputusan meminta Kementerian Belia dan Sukan mengadakan siasatan terhadap pembabitan jurulatih itu.

Katanya, beliau tidak mengetahui keputusan siasatan yang dijalankan oleh kementerian berkenaan.

Beliau memberi keterangan di depan Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Kamalanathan Ratnam berhubung saman Ramanathan yang mempertikaikan kesahihan penggantungan tugasnya.

Peguambela Mahathir Abdullah mewakili Khalid manakala Ramanathan diwakili peguambela Karpal Singh.

Ramanathan mendakwa penggantungan tugasnya tanpa gaji tidak berdasarkan kuasa yang sah di sisi undang-undang dan oleh itu penggantungan itu tidak sah dan tidak berkesan.

Sehubungan itu, katanya, surat bertarikh 18 April 1994 daripada KOAM memberitahu beliau mengenai penggantungan itu adalah batal.

(END)